AseamBankers Malaysia Bhd lwn CS Metal Industries (M) Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO D3–22–534 TAHUN 2004
ABDUL ALIM H
11 OCTOBER 2006

Acara Sivil — Penghakiman terus — Mengetepikan — Sama ada terdapat isu yang boleh dibicarakan — Kemudahan 'Bankers Acceptance' — Sama ada kegagalan plaintif untuk mengemukakan resolusi pengarah membatalkan tindakan plaintif terhadap defendan satu — Sama ada defendan-defendan kedua dan ketiga adalah kekal sebagai penjamin kepada defendan satu — Sama ada gerenti merupakan gerenti berterusan — Sama ada defendan-defendan kedua and ketiga mempunyai pengetahuan tentang kemudahan 'Bankers Acceptance'

Acara Sivil — Pliding — Rayuan mengetepikan penghakiman terus — Defendan-defendan kedua dan ketiga cuba membangkitkan isu-isu yang tidak diplidkan — Sama ada defendan-defendan kedua dan ketiga diestopkan daripada berhujah atas isu — Sama ada defendan-defendan kedua dan ketiga harus diberi peluang di peringkat rayuan untuk memperbaiki pliding mereka — Sama ada plaintif telah diprejudiskan akibat kegagalan defendan-defendan kedua dan ketiga menimbulkan isu sebelum ini

Melalui satu surat tawaran bertarikh 17 Februari 1997, plaintif atas permintaan defendan satu bersetuju untuk menawarkan satu kemudahan 'Bankers Acceptance' untuk jumlah had sebanyak RM10j dan satu kemudahan 'Revolving Credit' untuk jumlah had sebanyak RM2j tertakluk kepada syarat-syarat kedua-dua kemudahan tidak melebihi had sebanyak RM10j kepada defendan satu. Defendan satu telah bersetuju untuk menerima tawaran itu. Sebagai sekuriti bagi kemudahan-kemudahan itu, satu gerenti bertarikh 24 Februari 1997 telah dilaksanakan untuk kepentingan plaintif oleh defendan-defendan kedua dan ketiga di mana mereka telah menjamin untuk membayar kepada plaintif jumlah yang terhutang ('gerenti'). Melalui satu surat bertarikh 2 November 2001, plaintif bersetuju atas permintaan defendan satu untuk 'uplift' dan memperbaharui kemudahan itu dengan mengurangkan had kemudahan 'Bankers Acceptance' itu kepada RM3.5j dan membatalkan kemudahan 'Revolving Credit'. Melalui surat bertarikh 26 Februari 2003, defendan satu telah memohon supaya jumlah 'Bankers Acceptance' yang tertunggak ditukarkan kepada satu kemudahan pinjaman terma dan plaintif bersetuju kepada ini. Melalui surat bertarikh 6 Mac 2003, telah diperuntukkan dan dipersetujui bahawa gerenti yang ditandatangani oleh defendan-defendan kedua dan ketiga akan terus kekal dan efektif sebagai sekuriti kepada pinjaman terma itu dan defendan-defendan kedua dan ketiga

A bersetuju kepada terma tersebut. Kemudian, defendan satu telah melaksanakan satu perjanjian kemudahan bertarikh 24 Jun 2003 dan plaintif bersetuju dengan syarat-syarat di dalamnya. Defendan satu telah mengingkari pembayaran jumlah yang tertunggak. Plaintif telah menuntut daripada semua defendan dan menamatkan kemudahan itu. Ini adalah rayuan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang telah membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan kedua dan ketiga.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Isu mengenai defendan-defendan kedua dan ketiga tidak menandatangani gerenti telah ditarik balik oleh defendan-defendan kedua dan ketiga. Ini bermakna defendan-defendan kedua dan ketiga tidak menafikan mereka telah menandatangani gerenti itu (lihat perenggan 5).

(2) Isu yang cuba dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga bahawa penyata keberhutangan ('certificate of indebtedness') plaintif mengandungi 'manifest error' adalah merupakan hujah dari meja peguam dan tidak dibangkitkan sama sekali dalam afidavit defendan-defendan kedua dan ketiga. Defendan-defendan kedua dan ketiga tidak pernah memplidkan secara terperinci butir-butir bahawa penyata keberhutangan plaintif mengandungi 'manifest error'. Oleh yang demikian plaintif tidak berpeluang untuk menjawab dakwaan-dakwaan ini melalui afidavit jawapannya. Sekaligus defendan-defendan kedua dan ketiga diestopkan daripada berhujah atas isu ini (lihat perenggan 6).

(3) Isu yang cuba dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga bahawa surat tawaran bertarikh 17 Februari 1997 telah diubahsuai melalui surat bertarikh 27 Mei 1998 juga tidak pernah dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga di dalam afidavit mereka ataupun ketika perbicaraan di hadapan penolong kanan pendaftar. Oleh itu plaintif kini tidak berpeluang untuk menjawab atau menentangnya melalui afidavit balasan. Mahkamah menolak isu tersebut di atas alasan defendan-defendan kedua dan ketiga tidak harus menggunakan peluang di peringkat rayuan untuk memperbaiki pliding mereka (lihat perenggan 10).

(4) Defendan satu telah bersetuju untuk menerima terma-terma dalam surat plaintif bertarikh 2 November 2001 yang mana ia menjadi asas ('basis') kepada tindakan plaintif terhadap defendan-defendan kedua dan ketiga. Walau apapun kegagalan di pihak plaintif untuk mengemukakan surat bertarikh 27 Mei 1998 itu tidak memprejudiskan tindakan plaintif kerana, akibat daripada surat bertarikh 2 November 2001, defendan satu telah menandatangani perjanjian kemudahan bertarikh 24 Jun 200 (lihat perenggan 12–13).

(5) Isu yang cuba dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga bahawa tiada resolusi pengarah defendan satu untuk menerima surat bertarikh 6 Mac

2003 juga tidak pernah dibangkitkan sebelum ini oleh defendan-defendan kedua dan ketiga. Mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa isu ini tidak wajar dipertimbangkan kerana plaintif telah diprejudiskan akibat kegagalan defendan-defendan kedua dan ketiga menimbulkan isu ini sebelum memberi peluang kepada plaintif untuk menjawab isu itu melalui afidavit (lihat perenggan 14–15).

(6) Kegagalan plaintif untuk mengemukakan resolusi pengarah tidak sama sekali membatalkan tindakan plaintif kerana defendan satu telah menandatangani perjanjian kemudahan bertarikh 24 Jun 2003 dan ini jelas membuktikan bahawa defendan satu telah menerima terma-terma yang dicadangkan dalam surat-surat tawaran plaintif tersebut (lihat perenggan 16).

(7) Isu yang dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga sama ada defendan kedua dan ketiga adalah kekal sebagai penjamin juga tidak pernah dibangkitkan sebelum ini dan sewajarnya ia ditolak bulat-bulat. Adalah jelas dari terma-terma Gerenti, yang jelas memperuntukkan bahawa ia adalah merupakan satu gerenti berterusan (lihat perenggan 17–18).

(8) Defendan-defendan kedua dan ketiga ada menandatangani surat-surat akuan di mana menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan akan penukaran kemudahan 'Bankers Acceptance' kepada kemudahan 'Term Loan' seperti yang dinyatakan dalam surat-surat plaintif dan perjanjian kemudahan bertarikh 24 Jun 2003 (lihat perenggan 22).

[English summary

By a letter of offer dated 17 February 1997, the plaintif upon the first defendant's request agreed to offer a 'Bankers Acceptance ' facility for a total limitation of RM10m and 'Revolving Credit' for a total limitation of RM2m depending on the conditions of both facilities not amounting to RM10m to the first defendant. The first defendant agreed to accept the offer. As security for such facilities, a guarantee dated 24 Februari was executed for the plaintiff's interest by the second and third defendants whereby was guaranteed to pay the plaintiff the amount owed ('guarantee') via a letter dated 2 November 2001, the plaintiff agreed upon the first defendant's demand to 'uplift' and maintain the facility by reducing the limitation facility called 'Bankers Acceptance' to RM3.5m and to cancel the 'Revolving Credit'. Via a letter dated 26 Februari 2003, the first defendant applied so that the total outstanding of the 'Bankers Acceptance' was changed to the term loan facility and the plaintiff agreed to this. By a letter dated 6 March 2003, it was provided and agreed that the guarantee signed by the first and second defendants will continue to exist and be effective as security to the term loan and the second and third defendants agreed to the said term. Later, the first defendant executed a facility agreement dated 24 June 2003 and the plaintiff agreed to the terms and conditions therein. The first defendant breached the outstanding payment. The plaintiff claimed from all the defendants and ended the facility. This was an appeal by the second and third defendants against the decision of the senior assistant registrar which allowed the plaintiff's application to enter summary judgment against the second and third defendants.

Held, dismissing the said appeal:

(1) The issues regarding the second and third defendants not signing the guarantee was withdrawn by the second and third defendants. This meant that the second and third defendants did not deny that they signed the guarantee (see para 5).

(2) The issue raised by the second and third defendants that the plaintiff's certificate of indebtedness contained 'manifest error' was the counsel's submission and was not raised in the second and third affidavits of the defendant. The second and third defendants never pleaded the details that the plaintiff's certificate of indebtedness was of 'manifest error'. Therefore, the plaintiff was not given a chance to answer accusations via its affidavit in reply. The second and third defendants were estopped from submitting on this issue (see para 6).

(3) The issue raised by the second and third defendants that the letter of offer dated 17 February 1997 was maintained via a letter dated 27 May 1998 also had never been raised by the second and third defendants in their affidavit or even during the trial before the senior assistant registrar. Therefore, the plaintiff was not given an opportunity to answer or object via affidavit in reply. The court dismissed the issue on grounds that the second and third defendants should not use the opportunity at the appeal stage to amend their pleading (see para 10).

(4) The first defendant agreed to accept the terms in the plaintiff's letter dated 2 November 2001 whereby it had become the basis of the plaintiff's action against the second and third defendants. However, failure on the part of the plaintiff to produce the letter dated 27 May 1998 does not prejudice the plaintiff's action because due to the letter dated 2 November 2001, the first defendant signed the facility agreement dated 24 June 2003 (see paras 12–13).

(5) The issue raised by the second and third defendants that there was no resolution of the first defendant's director to accept the letter dated 6 March 2003 also had not been raised before this by the second and third defendants. The court was of the opinion and held that the issue was never considered because the plaintiff was prejudiced due to the second and third defendant's failure to raise the matter before this as to give an opportunity to the plaintiff to reply to the matter via affidavit (see paras 14–15).

(6) The failure of the plaintiff to present the director's resolution did not strike out the plaintiff's action because the first defendant had signed the facility agreement dated 24 June 2003 and this clearly proved that the first defendant had accepted the terms proposed in the said plaintiff's offer letters (see para 16).

(7) The issue raised by the second and third defendants as to whether the second and third defendants remain as guarantees had also not been raised before this and hence were totally rejected (see paras 17–18).

(8) The second and third defendants had signed the declaration letters whereby it showed that they had knowledge of the change of the facility called 'Bankers Acceptance' to the term loan facility as expressly stated in the plaintiff's letters and the facility agreement dated 24 June 2003 (see para 22).]

Nota-nota

Bagi kes-kes permohonan untuk diketepikan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 6241.

Kes-kes yang dirujuk

Cempaka Finance Bhd v Ho Lai Ying & Anor [2006] 2 MLJ 685 (dirujuk)
Citibank NA v Ooi Boon Leong & Ors [1981] 1 MLJ 282 (dirujuk)
Ng Hee Thong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 CLJ 609 (dirujuk)

Abdul Alim H:

[1] Ini adalah rayuan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga terhadap keputusan penolong kanan pendaftar bertarikh 9 Mac 2005 yang telah membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan kedua dan ketiga. Mahkamah ini telah mengekalkan keputusan penolong kanan pendaftar dan dengan itu menolak rayuan defendan-defendan kedua dan ketiga dengan kos.

FAKTA KES

[2] Berikut adalah di antara fakta dan alasan yang dikemukakan oleh plaintif seperti dalam afidavit menyokong permohonan bagi penghakiman terus:

(1) Defendan-defendan kedua dan ketiga adalah berhutang dengan plaintif sejumlah RM2,819,996.30 setakat 31 Januari 2004 beserta dengan 'cost of fund' plaintif pada kadar yang ditetapkan dan faedah tambahan pada 1.0% setahun dari 1 Februari 2004 sehingga penyelesaian penuh.

(2) Melalui satu surat tawaran bertarikh 17 Februari 1997, plaintif atas permintaan defendan satu bersetuju untuk menawarkan satu kemudahan 'Bankers Acceptence' untuk jumlah had sebanyak RM10j dan satu kemudahan 'Revolving Credit' untuk jumlah had sebanyak RM2j tertakluk kepada syarat-syarat kedua-dua kemudahan tidak melebihi had sebanyak RM10j kepada defendan satu (sila rujuk lampiran 7, eksh A-1).

(3) Defendan satu telah bersetuju untuk menerima tawaran itu.

(4) Sebagai sekuriti bagi kemudahan-kemudahan itu, satu gerenti bertarikh 24 Februari 1997 telah dilaksanakan untuk kepentingan plaintif oleh defendan-defendan kedua dan ketiga di mana mereka telah menjamin untuk membayar kepada plaintif jumlah yang terhutang (sila rujuk lampiran 7, eksh A-2).

(5) Melalui satu surat bertarikh 2 November 2001, plaintif bersetuju atas permintaan defendan satu untuk 'uplift' dan memperbaharui kemudahan itu dengan mengurangkan had kemudahan 'Bankers Acceptance' itu kepada RM3.5j dan membatalkan kemudahan 'Revolving Credit' (sila rujuk lampiran 7, eksh A-3).

(6) Melalui surat bertarikh 26 Februari 2003, defendan satu telah memohon supaya jumlah 'Bankers Acceptance' yang tertunggak ditukarkan kepada satu kemudahan pinjaman terma dan plaintif bersetuju kepada ini (sila rujuk lampiran 7, eksh A-4).

(7) Melalui surat bertarikh 6 Mac 2003, telah diperuntukkan dan dipersetujui bahawa Gerenti yang ditandatangani oleh defendan-defendan kedua dan ketiga akan terus kekal dan efektif sebagai sekuriti kepada pinjaman terma itu dan defendan-defendan kedua dan ketiga bersetuju kepada terma tersebut (sila rujuk lampiran 7, eksh A-5).

(8) Kemudian, defendan satu telah melaksanakan satu Perjanjian Kemudahan bertarikh 24 Jun 2003 dan plaintif bersetuju dengan syarat-syarat di dalamnya (sila rujuk lampiran 7, eksh A-6).

(9) Defendan satu telah mengingkari pembayaran jumlah yang tertunggak.

(10) Plaintif melalui peguamcaranya telah menuntut daripada semua defendan dan menamatkan kemudahan itu (sila rujuk lampiran 7, eksh A-8).

(11) Semua defendan gagal membuat bayaran dan defendan-defendan kedua dan ketiga tidak mempunyai apa-apa pembelaan bermerit.

[3] Berikut adalah di antara fakta dan alasan yang dikemukakan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga seperti dalam afidavit mereka yang menentang permohonan plaintif:

(1) Defendan-defendan kedua dan ketiga menafikan menandatangani sebarang gerenti untuk kemudahan-kemudahan itu.

(2) Defendan-defendan kedua dan ketiga tidak mempunyai sebarang liabiliti terhadap tuntutan plaintif.

(3) Defendan-defendan kedua dan ketiga mempunyai pembelaan bermerit dalam tindakan ini.

PERTIMBANGAN

[4] Setelah mengkaji semua afidavit yang difailkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga untuk menentang permohonan plaintif bagi penghakiman terus dan setelah mengkaji penghujahan peguam plaintif dan peguam defendan-defendan kedua dan ketiga, mahkamah menolak dengan kos rayuan defendan-defendan kedua dan ketiga.

[5] Berikut adalah alasan-alasan mahkamah menolak rayuan defendan-defendan kedua dan ketiga:

(a) Isu mengenai defendan-defendan kedua dan ketiga tidak menandatangani Gerenti telah ditarik balik oleh peguam defendan-defendan kedua dan ketiga pada 26 April 2006. Ini bermakna defendan-defendan kedua dan ketiga tidak menafikan mereka telah menandatangani Gerenti itu.

(b) ISU PERTAMA yang cuba dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga adalah penyata keberhutangan ('Certificate of Indebtedness') plaintif di lampiran 7, eksh A-9 yang dikatakan mengandungi 'manifest error'. Apa yang penting di sini adalah isu-isu ini merupakan hujah dari meja peguam dan tidak dibangkitkan sama sekali dalam afidavit defendan-defendan kedua dan ketiga yang diikrarkan pada 25 Januari 2005 (sila lihat lampiran 9).

[6] Defendan-defendan kedua dan ketiga tidak pernah memplidkan secara terperinci butir-butir bahawa Penyata Keberhutangan plaintif mengandungi 'manifest error'. Oleh yang demikian, plaintif tidak berpeluang untuk menjawab dakwaan-dakwaan ini melalui afidavit jawapannya. Sekaligus defendan-defendan kedua dan ketiga diestopkan daripada berhujah atas isu ini.

[7] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ng Hee Thong & Anor v Public Bank Berhad* [1995] 1 CLJ 609 memutuskan:

> It is a principal fundamental to our system of adversarial litigation that evidence upon a matter must be given on oath. The practice of counsel giving evidence from the Bar, which was done in this case is to be deprecated.

[8] Oleh yang demikian, mahkamah telah menolak isu 'manifest error' Penyata Keberhutangan plaintif yang dikemukakan melalui lampiran 7, eksh A-9. Dalam hal ini, kita hanya perlu renungkan pendirian yang jelas yang telah diperkatakan oleh Raja Azlan Shah, Hakim Besar Malaya (sebagaimana YMM pada masa itu) dalam kes Mahkamah Persekutuan *Citibank NA v Ooi Boon Leong & Ors* [1981] 1 MLJ 282 seperti berikut (di ms 284):

> We have often said in this court many a time that where all the issues are clear and the matter of substance can be decided once and for all without going to trial there is no reason why the Assistant Registrar or the judge in chambers, or, for that matter this court, shall not deal with the whole matter under the RSC O 14 procedure. In the present case the guarantee contains a clause which enables the bank by producing a certificate of indebtedness by its officer to dispense with legal proof of the actual indebtedness of the respondents. Clause 19 provides thus 'A certificate by an officer of the bank as to the money and liabilities for the time being due or incurred to the bank from or by the customer shall be conclusive evidence in any legal proceedings against us or any one of us or our personal representatives'. It means that, for the purpose of fixing liability of the respondents, the company's indebtedness may be ascertained conclusively by a certificate.

[9] Terdapat lagi autoriti Mahkamah Persekutuan yang terkini yang memperkukuhkan ratio ini (sila lihat kes *Cempaka Finance Bhd v Ho Lai Ying & Anor* [2006] 2 MLJ 685.

ISU KEDUA

[10] Isu yang cuba dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga ketika rayuan ini adalah bahawa surat tawaran bertarikh 17 Februari 1997 (sila lihat

A lampiran 7, eksh A-1) telah diubahsuai melalui surat bertarikh 27 Mei 1998. Isu ini juga tidak pernah dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga di dalam afidavit mereka ataupun ketika perbicaraan di hadapan penolong kanan pendaftar. Oleh itu, plaintif kini tidak berpeluang untuk menjawab atau menentangnya melalui afidavit balasan.

B

[11] Mahkamah menolak isu tersebut di atas atas alasan defendan-defendan kedua dan ketiga tidak harus menggunakan peluang di peringkat rayuan untuk memperbaiki pliding mereka.

C **[12]** Apa yang penting dan relevan di sini adalah defendan satu telah bersetuju untuk menerima terma-terma dalam surat plaintif bertarikh 2 November 2001 (sila lihat lampiran 7, eks A-3) yang mana ia menjadi asas ('basis') kepada tindakan plaintif terhadap defendan-defendan kedua dan ketiga.

D **[13]** Walau apapun kegagalan di pihak plaintif untuk mengemukakan surat bertarikh 27 May 1998 itu tidak memprejudiskan tindakan plaintif kerana, akibat daripada surat bertarikh 2 November 2001 (sila lihat lampiran 7, eksh A-3), defendan satu telah menandatangani perjanjian pinjaman bertarikh 24 Jun 2003 (sila lihat lampiran 7, eksh A-6).

E

ISU KETIGA

[14] Isu yang cuba dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga adalah tiada resolusi pengarah defendan satu untuk menerima surat bertarikh 6 Mac 2003. Isu ini juga tidak pernah dibangkitkan sebelum ini oleh defendan-defendan kedua dan ketiga.

F

[15] Mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa isu ini tidak wajar dipertimbangkan kerana plaintif telah diprejudiskan akibat kegagalan defendan-defendan kedua dan ketiga menimbulkan isu ini sebelum memberi peluang kepada plaintif untuk menjawab isu itu melalui afidavit.

G

[16] Tambahan pula kegagalan plaintif untuk mengemukakan resolusi pengarah tidak sama sekali membatalkan tindakan plaintif kerana defendan satu telah menandatangani perjanjian pinjaman bertarikh 24 Jun 2003 seperti dalam lampiran 7, eksh A-6 dan ini jelas membuktikan bahawa defendan satu telah menerima terma-terma yang dicadangkan dalam surat-surat tawaran plaintif tersebut.

H

ISU KEEMPAT

I

[17] Isu yang dibangkitkan oleh defendan-defendan kedua dan ketiga adalah sama ada defendan kedua dan ketiga adalah kekal sebagai penjamin. Isu ini juga tidak pernah dibangkitkan sebelum ini oleh defendan-defendan kedua dan ketiga dan sewajarnya ia ditolak bulat-bulat.

[18] Adalah jelas dari terma-terma gerenti bertarikh 24 Februari 1997, khususnya, kl 10 di lampiran 7, eksh A-2 yang jelas memperuntukkan bahawa ia adalah merupakan satu gerenti berterusan. Klausa 10 memperuntukkan: **A**

> Until and unless all monies hereby secured have been received in full by you, our guarantee herein shall be a continuing guarantee to notwithstanding that the Borrower may at any time from time to time cease to be indebted to you for any period or periods … **B**

[19] Jika rujuk kl 6 lampiran 7, eksh A-2 ia memperuntukkan (antara lainnya):

> Our liabilities under this Guarantee shall not be affected nor shall we be released or exonerated of the following matters **C**
>
> Klausa 6(iv) — the granting of any banking facility or facilities to the Borrower and/or variation of any existing banking facilities granted to the Borrower and/or variation of any existing banking facilities granted to the Borrower by way of (but not limited to) substitution, addition, increase or reduction whatsoever.

D

[20] Klausa 13 lampiran 7, eksh A-2 pula memperuntukkan:

> We hereby agree that you shall be at liberty without any further consent from us and without hereby affecting our liability under this guarantee at any time to enlarge or vary any loans or facilities granted to the Borrower. **E**

[21] Peruntukan-peruntukan di atas jelas menyatakan bahawa defendan-defendan kedua dan ketiga akan terus menjadi penjamin defendan satu dan gerenti bertarikh 24 Februari 1997 dalam lampiran 7, eksh A-2 berkenaan masih efektif dan tidak pernah dibatalkan. **F**

[22] Mahkamah juga mendapati bahawa defendan-defendan kedua dan ketiga ada menandatangani surat-surat akuan di lampiran 7, eksh A-5 di mana ini menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan akan penukaran kemudahan 'Bankers Acceptance' kepada kemudahan 'Term Loan' seperti yang dinyatakan dalam surat-surat plaintif di lampiran 7, eksh A-3 dan perjanjian pinjaman bertarikh 24 Jun 2003 seperti di lampiran 7, eksh A-6. **G**

KEPUTUSAN

[23] Mahkamah dengan itu termaklum akan kegagalan defendan-defendan kedua dan ketiga menimbulkan apa-apa isu untuk dibawa ke perbicaraan penuh dan sememangnya telah gagal menunjukkan apa-apa pembelaan bermerit dalam tindakan ini. **H**

[24] Mahkamah tidak ragu-ragu mendapati penolong kanan pendaftar adalah betul dalam membuat keputusan untuk membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan kedua dan ketiga. **I**

Mahkamah ini berpuashati bahawa sebenarnya tiada isu substantif untuk dibicarakan. Malah tiada pertikaian fakta mahupun undang-undang yang membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah. Adalah nyata defendan-defendan kedua dan ketiga tidak mempunyai pembelaan yang memerlukan ia dibicarakan.

[25] Mahkamah menolak rayuan defendan-defendan kedua dan ketiga dengan kos.

Rayuan ditolak dengan kos.

Reported by Peter Ling